

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (FORUM)

TARIKH: 03 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 17

Adib: Bersihkan imej PDRM

SAUDARA PENGARANG,

KES kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim diharapkan tiada sebarang permohonan rayuan mahupun semakan perundangan ke Mahkamah Tinggi dikemukakan oleh Jabatan Peguam Negara terhadap keputusan Mahkamah Koroner yang disifatkan sebagai satu keputusan berteraskan kepada keadilan hasil daripada kenyataan bersumpah oleh saksi yang keterangan mereka telah diterima pakai secara munasabah oleh Mahkamah Koroner.

Walaupun Peguam Negara mempunyai hak dalam membuat rayuan, namun dapatan yang diperolehi Mahkamah Koroner dalam

memutuskan status kematian Muhammad Adib dibuat atas dasar fakta kejadian serta kepentingan keadilan undang-undang tanpa sebarang kompromi.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) selain terpaksa memburu individu terlibat dalam kes Muhammad Adib, juga didesak menyasat siapa pegawai atau komander yang bertanggungjawab hingga menyebabkan pasukan polis lambat bertindak seperti mana terkandung dalam keputusan Mahkamah Koroner. Tindakan perlu diambil bagi membersihkan maruah serta imej PDRM yang tercemar akibat keputusan inkues kes berkenaan.

RAHMAD ISAHAK
Aktivis politik



POLIS Diraja Malaysia (PDRM) perlu membersihkan imej mereka dengan menahan perusuh-perusuh yang menyebabkan kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA